

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

18 NOVEMBER 2006

PERASMIAN CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN

Pada 18 November 2006, SPB Tuanku Canselor telah merasmikan Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin dan penggunaan nama Tuanku Canselor sebagai nama rasmi Bangunan Canseleri bagi mengenang jasa baik Baginda. Bangunan ini mula dibina pada 25 November 2002 dan siap sepenuhnya pada 18 Januari 2005. Ia merupakan mercu tanda UiTM kerana lokasinya yang strategik iaitu di atas bukit berhampiran dengan pintu masuk utama ke kampus. Antara tetamu kehormat yang hadir pada majlis perasmian tersebut ialah YBhg. Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi, YAB Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohd Khir Toyo, YBhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM, Pro Canselor-Pro Canselor, Ahli Lembaga Pengarah dan tetamu kehormat yang lain.



Sekitar Majlis Perasmian Bangunan Canseleri
UiTM oleh SPB Tuanku Syed Sirajuddin



Sumber:

- Informasi UiTM Sept-Dis 2006, Bil. 26.
- Koleksi Gambar Jabatan Arkib Universiti